



SOALAN LAZIM
PENGEMUKAAN DOKUMEN YANG DITENTUKAN DI BAWAH SEKSYEN 82B AKTA CUKAI
PENDAPATAN 1967 MELALUI MITRS

(Dikemas kini pada 26 November 2025)

A. PENGENALAN

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Saya kurang jelas dengan skop pelaksanaan pengemukaan dokumen yang ditentukan di bawah Seksyen 82B. Boleh tuan terangkan dengan lebih jelas?	Peruntukan baru di bawah Seksyen 82B Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) telah memperuntukkan pembayar cukai yang mengemukakan Borang Nyata di bawah seksyen 77 atau 77A ACP 1967 perlu memberi maklumat dan mengemukakan dokumen yang ditentukan oleh KPHDN bagi maksud penentuan pendapatan yang boleh dikenakan cukai secara elektronik dalam tempoh 30 hari selepas tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata.
2.	Apakah platform bagi tujuan pengemukaan dokumen di bawah Seksyen 82B?	Dokumen yang ditentukan tersebut perlu dikemukakan secara atas talian melalui platform Malaysian Income Tax Reporting System (MITRS). Senarai dokumen yang ditentukan tersebut adalah seperti di Nota Panduan.
3.	Bagaimanakah saya boleh mengakses ke platform tersebut?	Pembayar cukai boleh mengakses MITRS melalui Portal MyTax di https://mytax.hasil.gov.my Manakala ejen cukai boleh mengakses MITRS melalui Sistem TAeF di Portal MyTax di https://mytax.hasil.gov.my
4.	Siapakah pembayar cukai yang terlibat bagi pengemukaan MITRS?	Pembayar cukai yang terlibat bagi pengemukaan dokumen melalui MITRS adalah dari kategori Syarikat (C) dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT). Pelaksanaan pengemukaan di bawah Seksyen 82B ACP 1967 ini akan dilaksanakan secara berperingkat, dengan kedua-dua kategori ini dipilih sebagai perintis bermula Tahun Taksiran 2025.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
		Pelaksanaan bagi kategori lain akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

B. PROSEDUR PENGEMUKAAN

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Bagaimanakah cara untuk membuat pengemukaan dokumen di bawah Seksyen 82B melalui MITRS?	Pengemukaan dokumen boleh dibuat secara atas talian menggunakan platform MITRS yang boleh diakses melalui Portal MyTax. Sila layari https://mytax.hasil.gov.my. MITRS boleh diakses menggunakan peranan Pengarah, Wakil Pengarah atau Ejen Cukai. Pembayar cukai perlu memastikan Borang Nyata bagi tahun taksiran yang berkenaan telah dikemukakan terlebih dahulu sebelum mengakses MITRS.
2.	Apakah format yang ditetapkan bagi dokumen yang perlu dimuat naik?	Dokumen yang ditentukan hendaklah dimuat naik dalam format PDF. Untuk makluman, dokumen perlu disediakan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sahaja. Dokumen yang disediakan dalam selain bahasa tersebut perlu diterjemahkan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sebelum ianya dimuat naik.
3.	Adakah tempoh pengemukaan dokumen yang ditentukan di bawah seksyen 82B ini mengambil kira tambahan masa (grace period) dan lanjutan masa (extension of time) pengemukaan borang nyata?	Ya. Tempoh pengemukaan dokumen yang ditentukan di bawah seksyen 82B ini adalah selepas mengambil kira mana-mana tempoh tambahan masa yang dibenarkan oleh HASiL bagi pengemukaan borang nyata, jika ada.
4.	Adakah pembayar cukai boleh memohon lanjutan masa bagi pengemukaan	Tiada permohonan lanjutan masa dibenarkan bagi pengemukaan dokumen yang ditentukan di bawah seksyen 82B ini.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
	dokumen yang ditentukan di bawah seksyen 82B ini?	
5.	Berapakah bilangan dokumen yang boleh dimuat naik dan jumlah had saiz dokumen yang dibenarkan?	Bilangan dokumen yang boleh dimuat naik TERHAD kepada 1 (satu) dokumen sahaja bagi setiap medan. Manakala jumlah had saiz fail yang dibenarkan adalah tidak melebihi 20 MB bagi setiap pembayar cukai bagi setiap tahun taksiran.
6.	Apakah yang perlu dilakukan oleh pembayar cukai, sekiranya dokumen yang dimuat naik melebihi had 20 MB?	Sekiranya dokumen yang ingin dimuat naik melebihi had 20MB, pembayar cukai perlu menghubungi HASiL Contact Centre di talian 03-89111000 (dalam negara) atau 603-89111000 (luar negara) bagi mendapatkan panduan dan tindakan selanjutnya. Sebagai langkah awal, pembayar cukai juga digalakkan memastikan setiap dokumen yang dimuat naik tidak melebihi had saiz 20MB.
7.	Bagi pembayar cukai yang merupakan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia, adakah syarikat boleh memuat naik Laporan Tahunan sebagai dokumen penyata kewangan beraudit?	Pembayar cukai dinasihatkan HANYA mengemukakan Penyata Kewangan Beraudit yang mengandungi Laporan Pengarah dan Penyata Pendapatan Terperinci seperti yang disediakan mengikut mana-mana undang-undang bertulis bagi tahun taksiran yang berkenaan SAHAJA .
8.	Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengemukakan dokumen di bawah Seksyen 82B ini?	Tanggungjawab pengemukakan dokumen adalah terletak kepada orang yang layak kena cukai menurut peruntukan seksyen 66 hingga seksyen 75B ACP 1967. Pembayar cukai juga boleh melantik ejen cukai berlesen di bawah seksyen 153 ACP 1967 bagi tujuan pengemukakan dokumen.
9.	Apakah dokumen yang perlu dikemukakan di bawah seksyen 82B ini?	Dibawah seksyen 82B ACP 1967 ini, dokumen ditentukan yang perlu dikemukakan melalui MITRS bagi maksud penentuan pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk tahun taksiran yang berkenaan adalah seperti berikut:

Bil.	Soalan	Maklum Balas																					
		1. Penyata Kewangan Beraudit / Penyata Kewangan Tidak Beraudit; 2. Pengiraan Cukai Pendapatan; 3. Jadual lengkap Elaun Modal dan Kenaan Jadual 3 ACP 1967 yang dituntut (jika berkaitan); dan 4. Pengiraan lengkap insentif yang dituntut (jika berkaitan) Panduan terperinci dokumen yang ditentukan dibawah seksyen 82B ACP 1967 boleh dirujuk pada Nota Panduan Pengemukaan Dokumen Yang Ditentukan Di Bawah Seksyen 82B ACP 1967 Melalui MITRS.																					
10.	Apakah jenis tuntutan insentif yang dimaksudkan bagi tujuan pengemukaan dokumen tertentu melalui MITRS?	Tuntuan insentif yang dimaksudkan adalah melibatkan tuntutan insentif di ruangan D1 hingga D4, Borang Nyata syarikat (C) dan PLT(PT) seperti berikut: <table><thead><tr><th>Ruangan</th><th>Penerangan</th></tr></thead><tbody><tr><td>D1</td><td>Menuntut Perbelanjaan Khas, Potongan Selanjutnya dan Potongan Dua Kali</td></tr><tr><td>D2</td><td>Menuntut insentif di bawah perenggan 127(3)(b)</td></tr><tr><td>D3</td><td>Menuntut insentif di bawah subseksyen 127(3A)</td></tr><tr><td>D4</td><td>Menuntut insentif di bawah ACP 1967/Akta Penggalakan Pelaburan 1986 selain daripada insentif di ruang D1, D2 dan D3</td></tr></tbody></table>	Ruangan	Penerangan	D1	Menuntut Perbelanjaan Khas, Potongan Selanjutnya dan Potongan Dua Kali	D2	Menuntut insentif di bawah perenggan 127(3)(b)	D3	Menuntut insentif di bawah subseksyen 127(3A)	D4	Menuntut insentif di bawah ACP 1967/Akta Penggalakan Pelaburan 1986 selain daripada insentif di ruang D1, D2 dan D3											
Ruangan	Penerangan																						
D1	Menuntut Perbelanjaan Khas, Potongan Selanjutnya dan Potongan Dua Kali																						
D2	Menuntut insentif di bawah perenggan 127(3)(b)																						
D3	Menuntut insentif di bawah subseksyen 127(3A)																						
D4	Menuntut insentif di bawah ACP 1967/Akta Penggalakan Pelaburan 1986 selain daripada insentif di ruang D1, D2 dan D3																						
11.	Sekiranya pengiraan insentif hanya melibatkan item perbelanjaan khas (ruangan D1, borang nyata C) dan tiada pengiraan terperinci, apakah yang perlu dilakukan oleh pembayar cukai?	Penambahbaikan telah dibuat pada MITRS di mana pembayar cukai boleh memilih Ya - Dokumen telah wujud dalam kategori pengiraan cukai pendapatan. <table><tr><td>Status Perniagaan</td><td colspan="2">BEROPERASI</td></tr><tr><td>Tahun Taksiran</td><td colspan="2">2025</td></tr><tr><td>Tempoh perakaunan</td><td>Dari 01/02/2024</td><td>Hingga 31/01/2025</td></tr><tr><td>Tempoh asas</td><td>Dari 01/02/2024</td><td>Hingga 31/01/2025</td></tr><tr><td>Tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata</td><td colspan="2">30/09/2025</td></tr><tr><td>Menuntut elaun dan kenaan di bawah Jadual 3 ACP 1967</td><td colspan="2">Ya - Dokumen telah wujud dalam kategori pengiraan cukai pendapat</td></tr><tr><td>Menuntut insentif</td><td colspan="2">Ya - Dokumen telah wujud dalam kategori pengiraan cukai pendapat</td></tr></table> Walau bagaimanapun, pembayar cukai perlu memastikan perbelanjaan ini telah dimasukkan dalam dokumen pengiraan cukai pendapatan yang berkenaan.	Status Perniagaan	BEROPERASI		Tahun Taksiran	2025		Tempoh perakaunan	Dari 01/02/2024	Hingga 31/01/2025	Tempoh asas	Dari 01/02/2024	Hingga 31/01/2025	Tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata	30/09/2025		Menuntut elaun dan kenaan di bawah Jadual 3 ACP 1967	Ya - Dokumen telah wujud dalam kategori pengiraan cukai pendapat		Menuntut insentif	Ya - Dokumen telah wujud dalam kategori pengiraan cukai pendapat	
Status Perniagaan	BEROPERASI																						
Tahun Taksiran	2025																						
Tempoh perakaunan	Dari 01/02/2024	Hingga 31/01/2025																					
Tempoh asas	Dari 01/02/2024	Hingga 31/01/2025																					
Tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata	30/09/2025																						
Menuntut elaun dan kenaan di bawah Jadual 3 ACP 1967	Ya - Dokumen telah wujud dalam kategori pengiraan cukai pendapat																						
Menuntut insentif	Ya - Dokumen telah wujud dalam kategori pengiraan cukai pendapat																						

Bil.	Soalan	Maklum Balas
12.	Sekiranya dokumen melibatkan jadual lengkap elaun modal dan kenaan jadual 3 ACP 1967 atau pengiraan lengkap insentif telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada dokumen pengiraan cukai pendapatan, di item 9(b) di atas, adakah pembayar cukai tidak perlu memuat naik dokumen sokongan di bahagian item 9(c) atau 9(d) yang berkenaan?	Penambahbaikan telah dibuat pada MITRS di mana pembayar cukai boleh memilih Ya - Dokumen telah wujud dalam kategori pengiraan cukai pendapatan. Sekiranya pilihan pembayar cukai adalah seperti di bawah, dokumen berkenaan tidak perlu dimuat naik secara berasingan lagi. 
13.	Apakah yang dimaksudkan penyata kewangan Beraudit yang lengkap yang perlu dikemukakan?	Penyata Kewangan Beraudit dan Laporan Pengarah beserta Penyata Pendapatan Terperinci seperti yang disediakan mengikut mana-mana undang-undang bertulis bagi tahun taksiran yang berkenaan.
14.	Sekiranya dokumen Penyata Pendapatan Terperinci telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada dokumen pengiraan cukai pendapatan di item 9(b) di atas, adakah pembayar cukai tidak perlu memuat naik dokumen sokongan di bahagian Penyata Kewangan Beraudit / Penyata Kewangan Tidak Beraudit di item 9(a) yang berkenaan?	Berdasarkan Program Memfail Dokumen yang Ditentukan di Bawah Seksyen 82B ACP 1967 Melalui MITRS, dokumen penyata kewangan dan pengiraan cukai adalah seperti berikut: - Penyata Kewangan Beraudit termasuk Laporan Pengarah dan Penyata Pendapatan Terperinci - Pengiraan Cukai Pendapatan berserta pelarasan terperinci Oleh yang demikian, pembayar cukai dikehendaki mengemukakan penyata pendapatan terperinci bersama-sama dengan penyata kewangan beraudit melalui MITRS di ruangan yang telah disediakan walaupun penyata tersebut telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada pengiraan cukai.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
15.	Apakah yang dimaksudkan dengan Penyata Kewangan Tidak Beraudit?	Penyata Kewangan Tidak Beraudit adalah di mana pengecualian audit diberikan dalam mana-mana undang-undang bertulis. Sebagai panduan, sila rujuk Practice Directive (PD 10/2024) yang dikeluarkan oleh pihak SSM berkenaan syarikat yang layak pengecualian audit.
16.	Saya tertinggal muka surat di dalam penyata kewangan beraudit yang dimuat naik, adakah ianya masih dianggap sebagai lengkap? Jika tidak apa yang perlu saya lakukan?	Sekiranya mukasurat yang tertinggal tersebut merupakan sebahagian dari dokumen yang perlu disediakan mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berkenaan maka ianya akan dianggap TIDAK LENGKAP dan boleh dikenakan kompaun di bawah perenggan 120(1)(d) ACP 1967. Pihak tuan boleh membuat pindaan dengan memuat naik semula kesemua dokumen-dokumen mandatori yang LENGKAP termasuk dokumen yang tidak terlibat dengan pindaan.
17.	Sekiranya syarikat tidak menuntut elaun modal dalam tahun taksiran tersebut adakah jadual elaun modal masih perlu dikemukakan?	Jadual lengkap pengiraan Elaun Modal dan Kenaan di bawah Jadual 3 ACP 1967 termasuk Elaun Imbangan dan Kenaan Imbangan hendaklah dikemukakan sekiranya membuat tuntutan dalam borang nyata bagi tahun taksiran yang berkenaan.
18.	Sekiranya saya ada membuat tuntutan insentif cukai, perlukah saya memuat naik kesemua set lengkap dokumen sokongan yang berkenaan?	Pihak tuan hanya perlu memuat naik dokumen yang ditentukan berkaitan PENGIRAAN INSENTIF bagi semua insentif yang dituntut sahaja. Lain-lain dokumen sokongan seperti surat kelulusan adalah tidak diperlukan bagi tujuan pengemukaan dokumen di bawah Seksyen 82B ini.
19.	Bolehkah saya membuat pindaan ke atas dokumen yang telah dikemukakan melalui MITRS?	Dokumen ditentukan yang telah dikemukakan melalui MITRS boleh dimuat naik semula sekiranya terdapat pindaan.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
	Jika boleh adakah saya akan dikenakan sebarang kompaun kerana membuat pindaan berkenaan?	Pindaan melalui Modul 82B ini adalah merujuk KEPADA pengemukaan Borang Nyata di bawah seksyen 77 atau 77A ACP 1967 SAHAJA. Oleh yang demikian apa-apa pindaan perlulah dikaitkan secara langsung dengan skop pelaporan yang telah dibuat dalam Borang Nyata (asal) berkenaan. Pembayar cukai dikehendaki melampirkan semula kesemua dokumen yang ditentukan termasuk dokumen yang tidak terlibat pindaan. Tarikh pengemukaan dokumen akan dikemas kini berdasarkan tarikh muat naik yang terkini. Dokumen / pindaan dokumen dikemukakan selepas tarikh akhir yang dibenarkan, adalah dianggap lewat dan tertakluk kepada kesalahan dan boleh dikenakan kompaun di bawah perenggan 120(1)(d) ACP 1967 iaitu tidak kurang dari dua ratus ringgit dan tidak lebih dari dua puluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.
20.	Pembayar cukai telah mengemukakan dokumen tertentu S82B melalui MITRS dalam tempoh 30 hari seperti yang ditetapkan. Dalam situasi di mana pembayar cukai mendapati terdapat ketinggalan pelaporan pendapatan di Borang Nyata bawah S77A ACP 1967 (asal) dan mengemukakan Borang Nyata Terpinda (BNT), adakah pindaan dokumen MITRS juga perlu dibuat	Dalam kes ini, pembayar cukai TIDAK PERLU memuatnaik semula pindaan ke atas dokumen MITRS. Ini kerana pengemukaan BNT adalah di bawah peruntukan 77B ACP 1967 sedangkan seksyen 82B ACP 1967 HANYA memperuntukkan pembayar cukai yang mengemukakan Borang Nyata di bawah seksyen 77 atau 77A ACP 1967 sahaja. Pindaan melalui Modul 82B ini adalah merujuk KEPADA pengemukaan Borang Nyata di bawah seksyen 77 atau 77A ACP 1967 SAHAJA. Oleh yang demikian apa-apa pindaan perlulah dikaitkan secara langsung dengan skop pelaporan yang telah dibuat dalam Borang Nyata (asal) berkenaan.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
	memandangkan amaun pengiraan cukai telah berbeza dari pengemukakan dokumen MITRS pembayar cukai yang lama?	
21.	Sekiranya dokumen yang dimuat naik tidak lengkap, adakah dokumen yang dikemukakan boleh diterima?	Kesemua medan muat naik dokumen tertentu yang berkenaan di MITRS perlu dilisi bagi membolehkan fungsi akuan dan penghantaran di MITRS aktif. Walau bagaimanapun, sekiranya semakan mendapati dokumen yang telah dikemukakan tidak lengkap, pembayar cukai adalah tertakluk kepada kesalahan dan boleh dikenakan kompaun di bawah perenggan 120(1)(d) ACP 1967 iaitu tidak kurang dari dua ratus ringgit dan tidak lebih dari dua puluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.
22.	Bagaimana saya ingin mengesahkan pengemukakan dokumen di MITRS telah berjaya?	Apabila pengemukakan dokumen telah dibuat, pembayar cukai akan menerima slip pengesahan. Pembayar cukai juga boleh menyemak status penghantaran melalui fungsi semakan pengesahan.

C. KEGAGALAN MENGEMUKAKAN DOKUMEN

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Sekiranya saya gagal mengemukakan dokumen yang dikehendaki, adakah saya akan dikenakan kompaun?	Kegagalan mengemukakan dokumen merupakan suatu kesalahan dan boleh dikenakan kompaun di bawah perenggan 120(1)(d) ACP 1967 iaitu tidak kurang dari dua ratus ringgit dan tidak lebih dari dua puluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

D. HUBUNGI KAMI

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Bagaimana saya boleh mendapatkan bantuan bagi penghantaran dokumen melalui MITRS?	Untuk pertanyaan dan bantuan: i. Telefon HASiL Contact Centre : 03-8911 1000 (Dalam Negara) / 603-89111000 (Luar Negara) ii. Sistem maklumbalas pelanggan: Sila klik di sini untuk ke Borang Maklum balas Pelanggan. iii. E-mel: helpITMITRS@hasil.gov.my iv. Kunjungi cawangan HASiL / Pusat Khidmat HASiL yang berdekatan.